

22 AUG 1998

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI KELANTAN UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

KOTA BAHARU, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja sehari yang antara lain bertujuan menjelaskan kepada rakyat mengenai kedudukan ekonomi negara.

Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini dengan sebuah pesawat khas pada pukul 8.50 pagi.

Dr Mahathir yang ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali disambut oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri Kelantan.

Yang turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad serta pemimpin-pemimpin UMNO negeri dan ketua-ketua jabatan.

Perdana Menteri akan berucap di Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Kampung Chengal, Keteroh kira-kira 20 km dari sini pada pukul 10 pagi.

Perdana Menteri dan isteri diberi sambutan penuh tradisi oleh kira-kira 1,000 anggota perarakan bermula dari simpang tiga Kampung Chengal hingga ke tapak perhimpunan di sekolah itu.

Selepas majlis perhimpunan bersama rakyat itu, Perdana Menteri akan merasmikan Pejabat Pos Mini Kampung Chengal diikuti perasmian Jambatan Tok Ayah Ali di kampung yang sama.

Perdana Menteri juga akan melancarkan Gerakan Desa Wawasan (GDW) peringkat kebangsaan sebelum melawat Pusat Latihan Kecemerlangan (PUTRA) yang terletak di kampung itu.

Pada majlis makan tengah hari di PUTRA, Dr Mahathir akan melancarkan Antologi "Tanah Serendah Sekebun Bunga" serta mendengar deklamasi sajak.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan mempengerusikan perjumpaan dengan pemimpin UMNO di Hotel Perdana di sini pada pukul 3.30 petang.

Sementara itu Dr Siti Hasmah yang mempunyai program berasingan akan mengadakan perjumpaan dengan isteri-isteri wakil rakyat dan isteri ketua bahagian Barisan Nasional kira-kira pukul 3.45 petang di sebuah hotel di sini.

Perdana Menteri dan isteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pukul 5.30 petang.

-- BERNAMA

ZI RHM